

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

**ANALISA WATAK WANITA LAKONAN FAUZIAH NAWI  
DALAM TEATER 3 WAJAH**

**NOR ZAIREENA BINTI RASLEE**

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian  
(Drama dan Teater)  
2018**

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: \_\_\_\_\_

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL  
WORK

This declaration is made on the 7<sup>th</sup> day of June 2018.

Student's Declaration:

I Nor Zaireena Binti Raslee, 52976, Faculty of Applied And Creative Arts hereby declare that the work entitled "*Analisa Watak Wanita Lakonan Fauziah Nawi Dalam Teater 3 Wajah*" is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources with the exception where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part of the work been written for me by another person.

8/6/2018

Date submitted



NOR ZAIREENA BINTI RASLEE  
(52976)

Supervisor's Declaration:

I Syarafina Binti Abdullah hereby certify that the work entitled, "*Analisa Watak Wanita Lakonan Fauziah Nawi Dalam Teater 3 Wajah*" was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a \* partial/full fulfillment for the conferment of **Bachelor Of Applied Arts With Honours (Drama and Theater)**, and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.



Received for examination by: \_\_\_\_\_

(SYARAFINA BINTI ABDULLAH)

Date: 8 Jun 2018

I declare this Project/Thesis is classified as (Please tick (✓)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)\*  
 **RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)\*  
 **OPEN ACCESS**

I declare this Project/Thesis is to be submitted to the Centre for Academic Information Services and uploaded into UNIMAS Institutional Repository (UNIMAS IR) (Please tick (✓)):


- YES**  
 **NO**

#### Validation of Project/Thesis

I hereby duly affirmed with free consent and willingness declared that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abide interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic and research purposes only and not for other purposes.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitize the content to be uploaded into Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis if required for use by other parties for academic purposes or by other Higher Learning Institutes.
- No dispute or any claim shall arise from the student himself / herself neither a third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student himself/herself without first obtaining approval from UNIMAS.

Student's signature:   
(7<sup>th</sup> June 2018)

Supervisor's signature:   
(7<sup>th</sup> June 2018)

Current Address: LAKEPARK RESIDENCE @ KL NORTH A-31-03, RESIDENSI 1 UTARA, NO.42,  
JALAN 1/2B, OFF JALAN IPOH, SELAYANG, 68100 KUALA LUMPUR

Notes: \* If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the date of restriction indicated, and the reasons for the confidentiality and restriction.

[The instrument was prepared by The Centre for Academic Information Services]

**ANALISA WATAK WANITA LAKONAN FAUZIAH NAWI  
DALAM TEATER 3 WAJAH**

NOR ZAIREENA BINTI RASLEE

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
Drama dan Teater

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2018

## PENGAKUAN

Projek bertajuk “**Analisa Watak Wanita Lakonan Fauziah Nawi Dalam Teater 3 Wajah**” telah disediakan oleh **Nor Zaireena Binti Raslee** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Drama dan Teater**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

\_\_\_\_\_  
(Puan Syarafina Binti Abdullah)

Tarikh:

\_\_\_\_\_

## **PENGHARGAAN**

Assalamualaikum dan salam sejahtera. Bersyukur kehadiran Illahi dengan limpah kurnia dan berkat dariNya segala rintangan dan cabaran dipermudahkan untuk menghasilkan kajian ilmiah ini. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli keluarga yang banyak memberi sokongan, dorongan dan sumbangan sepanjang saya melanjutkan pengajian di universiti.

Tidak ketinggalan, ucapan penghargaan buat pengorbanan dan doa keluarga yang sentiasa memberi kesejahteraan serta kebaikan dalam saya menjalani segala kesulitan di dalam menuntut ilmu. Kata-kata semangat dan kasih sayang yang diberikan menjadi pembakar kepada keyakinan dan kegigihan untuk saya terus berusaha mengecapi kejayaan.

Seterusnya, ribuan terima kasih saya ucapkan kepada para pensyarah yang tidak pernah kenal erti penat dan lelah dalam mencurahkan segala ilmu dan tunjuk ajar, terutamanya Puan Syarafina Binti Abdullah. Beliau merupakan penyelia yang sentiasa memberi bimbingan dan nasihat kepada saya di sepanjang penghasilan kajian ilmiah ini. Untuk para pensyarah program Drama dan Teater, ucapan terima kasih sebagai tanda penghargaan yang sedikit sebanyak telah memberi inspirasi kepada saya untuk memperkukuh dan memberikan yang terbaik di dalam usaha menyiapkan penulisan yang mantap.

Di samping itu, sekalung ucapan penghargaan juga kepada Encik Mohd Salman Bin Zainol dan pihak Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur kerana memberikan kerjasama dalam menyumbangkan salinan rakaman pementasan yang

menjadi sumber utama kepada penghasilan kajian ini. Segala jasa dan pengorbanan mereka tidak akan saya lupakan.

Akhir sekali, terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan saya di dalam program Drama dan Teater yang banyak membantu mahupun secara langsung atau tidak langsung di dalam kajian ini. Segala kegembiraan dan jatuh bangun bersama mereka di sepanjang pembelajaran saya di sini, akan menjadi kenangan yang tidak akan dilupakan. Semoga Allah sentiasa melindungi dan membalas jasa baik kalian.

## ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
Halaman Tajuk	
Borang pengesahan status laporan	
Pengesahan dan tandatangan penyelia	
Penghargaan	i – ii
Isi kandungan	iii – vi
Abstrak	vii
<i>Abstract</i>	ix
<b>BAB SATU PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.1    Pendahuluan	1
1.2    Pengenalan	1 – 3
1.3    Permasalahan Kajian	3 – 4
1.4    Persoalan Kajian	4
1.5    Skop Kajian	4
1.6    Kerangka Konsep dan Teori	4 – 5
1.7    Objektif Kajian	6
1.8    Kaedah Penyelidikan	6 – 7
1.9    Kepentingan Kajian	7 – 8
1.10   Limitasi Kajian	8



<b>BAB DUA GELINTIRAN KESUSASTERAAN</b>	9
2.1    Pendahuluan	9
2.1.1    Naskah Teks Drama Feminis	9 – 14
2.2    Teori Feminisme	14 – 19
<b>BAB TIGA METODOLOGI KAJIAN</b>	20
3.1    Pendahuluan	20
3.2    Data Primer	20
3.3    Pemerhatian	21
3.4    Data Sekunder	21
3.5    Kajian Perpustakaan	22
3.6    Kerangka Kajian dan Pendekatan Teoritrikal	22
3.6.1    Kerangka kajian: <i>Character Analysis Guide</i> , Gerardine M. Clark.	22 – 24
3.6.2    Pendekatan Teoritrikal menerusi <i>Socialist Feminist                     Thought</i> oleh Holly Graf	24 – 25
<b>BAB EMPAT ANALISIS DAN PENEMUAN</b>	26
4.1    Pendahuluan	26
4.2    Sinopsis 3 Wajah	26 – 27
4.3    Wanita dalam 3 Wajah	27
4.3.1    Khalijah dalam <i>Tukang Sapu</i> .	27
4.3.2    Pemiutang dalam <i>Hutang</i> .	27
4.3.3    Banduan (7174) dalam <i>Pukul</i> .	28

4.4	Genre	28
4.4.1	Tukang Sapu	28
4.4.2	Hutang	28
4.4.3	Pukul	29
4.5	Diskripsi Watak Khalijah Dalam Tukang Sapu	29
4.5.1	<i>Character's physical description (textual statement of active deduction from related textual statement):</i>	29 – 30
4.5.2	<i>Character's Vocation and career potential</i>	30 – 31
4.5.3	<i>Character's state of mind:</i>	31 – 32
4.5.4	<i>Character's emotional adjustment. Indicate apparent dominant adjustment.</i>	32 – 35
4.5.5	<i>Elements of relationship</i>	35
4.5.6	<i>Elements of stress:</i>	36
4.5.7	<i>Character Rhythms. Describe and explain.</i>	37 – 38
4.5.8	Rumusan:	38
4.6	Diskripsi Watak Pemiutang dalam Hutang	39
4.6.1	<i>Character's physical description (textual statement of active deduction from related textual statement):</i>	39
4.6.2	<i>Character's Vocation and career potential</i>	40 – 41
4.6.3	<i>Character's state of mind:</i>	41 – 43
4.6.4	<i>Character's emotional adjustment. Indicate apparent dominant adjustment.</i>	43 – 46
4.6.5	<i>Elements of relationship</i>	46 – 47
4.6.6	<i>Elements of stress:</i>	47 – 48
4.6.7	<i>Character Rhythms. Describe and explain.</i>	48 – 49
4.6.8	Rumusan:	50

4.7	Diskripsi Watak Banduan (7172) dalam Pukul	50
4.7.1	<i>Character's physical description (textual statement of active deduction from related textual statement):</i>	50 – 51
4.7.2	<i>Character's Vocation and career potential</i>	51 – 52
4.7.3	<i>Character's state of mind:</i>	52 – 54
4.7.4	<i>Character's emotional adjustment. Indicate apparent dominant adjustment.</i>	54 – 57
4.7.5	<i>Elements of relationship</i>	57
4.7.6	<i>Elements of stress:</i>	58
4.7.7	<i>Character Rhythms. Describe and explain.</i>	59 – 60
4.7.8	Rumusan:	60 – 61
4.8	Dapatan Kajian menggunakan Teori Feminisme Sosialis oleh Holly Graf menerusi rakaman video	61 – 63
4.9	Rumusan	64
<b>BAB LIMA KESIMPULAN</b>		65
5.1	Pendahuluan	65
5.2	Kesimpulan Kajian	65 – 69
5.3	Cadangan	69 – 70
<b>RUJUKAN</b>		71

## ABSTRAK

Kajian ini tertumpu kepada tiga watak protagonis dengan isu-isu sosial yang melibatkan wanita dalam pementasan teater Monodrama 3 Wajah (2011), lakonan oleh Fauziah Nawī. Kajian kualitatif ini meliputi pemerhatian rakaman video yang diarkibkan oleh Pusat Dokumentasi Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Seterusnya, pengkaji menganalisis naskah skrip sebagai sokongan untuk pemahaman plot penceritaan serta watak perwatakkan bagi mengupas isu-isu sosial, ekonomi, pendidikan, undang-undang yang melibatkan wanita. Buku, jurnal, tesis, artikel, keratan akhbar dan juga blog merupakan kaedah sekunder dan perpustakaan yang digunakan oleh pengkaji untuk memperkukuhkan data kajian ini. Untuk menganalisis hasil dapatan kajian ini, pengkaji menggunakan kerangka konsep yang berpandukan *character analysis guide* oleh Gerardine M. Clark (1995) serta berpandukan teori feminisme sosialis, Holly Graf untuk membuktikan 3 Wajah lakonan Fauziah Nawī adalah sebuah teater aliran feminisme sosialis.

## **ABSTRACT**

*This qualitative research studies on women characters highlighted in the Monodrama 3 Wajah (2011) performed by Fauziah Nawi. The conceptual framework applied in this reseach is based on the character analysis form by Gerardine M. Clark. Socialist feminist theory is used to understand the women in 3 Wajah and its socialization. In conclusion, 3 Wajah is a socialist feminist theatre for it complies with the criterias emphasizes in socialist feminist theory by Holly Graf (2003).*

# **BAB SATU**

## **PENGENALAN**

### **1.1 PENDAHULUAN**

Menerusi bab ini, pengkaji akan menerangkan pengenalan dan memberi justifikasi berkaitan dengan kepentingan kajian dalam mengukuhkan kandungan penyelidikan. Pengenalan yang terkandung adalah seperti latar belakang penggiat seni teater wanita di Malaysia dan kerangka kajian yang memberi gambaran menyeluruh tentang kajian yang akan dilaksanakan.

### **1.2 Pengenalan**

Fauziah Nawi merupakan seorang penggiat seni teater lakonan di sekitar tahun 1976 hingga 1995. Fauziah Nawi sering terlibat dengan lakonan daripada filem-filem tempatan yang dilakonkan oleh beliau seperti Super Star Bintang Pujaan bersama Sharifah Aini (1981), Mawar Merah 1987), Mandala Penakluk Tartar (Indonesia) (1988), Sayang Salmah (1995), Red Kebaya (2006), Chermin (2007), Senario The Movie (1999), Berlari ke Langit (2004), Akhirat (2008), dan Malaikat Maut (2009).

Disebabkan pengalaman beliau yang begitu meluas di dalam industri seni hiburan, ilmu dan perkongsian itu menjadi antara tunjang utama yang memberi ruang kepada beliau untuk menjadi tenaga pengajar dan penasihat di dalam bidang ilmiah. Pada tahun 1999, beliau merupakan salah seorang pensyarah sambilan di Akademi Filem Malaysia selama 2 tahun bagi sesi 1999/2000 dan 2000/2001. Seterusnya pada tahun 2011, Fauziah Nawi telah dijemput ke Institut Penyiaran Tun Razak (IPTAR) sebagai tetamu jempunan dalam memberi motivasi serta perkongsian tentang

pengalaman beliau di dalam dunia lakonan. Manakala yang terkini iaitu pada tahun 2016, beliau telah dilantik sebagai panel penasihat industri bagi Program Drama dan Teater, Universiti Malaysia Sarawak pada 2017.

Pada tahun 2002, Fauziah Nawi mempunyai syarikat di bawah naungan beliau iaitu Fauziah Nawi (M) Sdn.Bhd. Syarikat tersebut mula menubuhkan sebuah produksi teater pada tahun 2003 yang dikenali sebagai Sanggar Teater Fauziah Nawi bagi mementaskan skrip-skrip yang baharu. Ianya juga adalah bertujuan untuk membuka ruang perkongsian dalam berkongsi bakat dan pengalaman beliau sepanjang berada di dalam industri seni hiburan. Di dalam produksi tersebut, beliau pernah mengarah beberapa pementasan teater yang juga merupakan naskah skrip hasil dari penulisan beliau. Antara naskah skrip dan pengarahannya oleh beliau adalah seperti Dari Bintang Ke Bintang 1 & 2 (2002), Teater Muzikal Opera Ayu Cendana (2004) dan Lorong Blues (2007). Disamping itu, Fauziah Nawi juga turut terlibat sebagai pelakon di dalam pementasan teater itu sendiri. Di antaranya adalah seperti, Salina, Angin Kering, Malam Gelap Bukit Damansara, Korporat, Cinta Julia (2008) dan banyak lagi. Fauziah Nawi (2009).

Sepanjang keterlibatan Fauziah Nawi sebagai seorang pelakon teater dan penaung bagi produksi Stefani Event, beliau banyak menghasilkan gabungan karya tokoh lain serta karya beliau sendiri seperti “Lorong Blues” (2008) untuk dipentaskan bagi tatapan masyarakat. Bagi naskah “Cinta Julia” (2009), “3 Wajah” (2011), dan juga My Daddy, Bapak Aku, Mak Kita (2012) ianya merupakan karya penulisan oleh Iryanda Mulia Ramli yang menggabungkan lakonan beliau bersama Sabera Shaik daripada produksi MasaKini Teater. Kolaborasi yang baik diantara produksi beliau iaitu Stefani Event dan MasaKini Teater merupakan antara produksi pertama yang

memberi kerjasama dan gabungan yang baik dalam menghasilkan teater yang mantap. Secara umumnya, menerusi ketiga-tiga teater tersebut ia banyak menyentuh tentang isu-isu sosial yang melibatkan kehidupan wanita melayu di Malaysia. Kebanyakan skrip-skrip yang dihasilkan oleh Iryanda Mulia Ramli dan Fauziah Nawi, mereka jelas menyetengahkan sosialiti wanita yang melibatkan kehidupan mereka sebagai seorang anak, gadis muda, wanita berkerjaya, isteri dan juga seorang ibu Syarafina Abdullah, 2015.

Perjalanan Fauziah Nawi di dalam industri hiburan, telah memberi beliau pengiktirafan dalam meraih beberapa anugerah hasil penglibatannya menerusi bidang lakonan dan penyiaran. Antara anugerah yang diberikan hasil pencapaian beliau dalam bidang lakonan adalah Anugerah Seni Negara, Anugerah Seri Mahkota Pahang, Anugerah Pingat Pangkuan Negara, Anugerah Pingat Pekerti Terpuji, Anugerah Pelakon Pembantu Terbaik Festival Filem Malaysia ke-12 (Sayang Salmah), dan Anugerah Pelakon Pembantu Terbaik (Drama Mendung Tidak Berarak Lagi). Manakala bagi pencapaian dalam bidang penyiaran, beliau mendapat anugerah *Most Versatile Broadcaster RTM*, Fauziah Nawi (2009).

Kini, Fauziah Nawi bergiat aktif dalam mengadakan kelas lakonan berbayar di Stefani Event dan menjadi tenaga pengajar bagi memupuk generasi muda dalam menimba pengalaman dan menguasai teknik lakonan.

### **1.3 Permasalahan Kajian**

Isu-isu sosial yang diketengahkan dalam 3 Wajah mencerminkan kehidupan wanita melayu moden yang hidup di sekitar bandar Kuala Lumpur. Pada kebiasaanya, wanita yang terlibat dengan isu-isu sosial secara tidak langsung menerima penindasan



serta diskriminasi daripada jantina bertentangan. Oleh yang demikian, naskah teks 3 Wajah menekankan hampir keseluruhan lakonan Fauziah Nawi mengenai pergelutan dan perjuangan golongan feminis dalam mendapat tempat di dalam kalangan masyarakat.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Persoalan kajian ini tertumpu kepada lakonan Fauziah Nawi dalam melakonkan watak berkenaan isu-isu sosialisasi wanita dalam pementasan teater 3 Wajah. Tambahan lagi, persoalan ini turut mengaitkan tentang bagaimana masyarakat memandang dan menganggap isu sosial terhadap wanita sebagai satu isu kemanusiaan yang perlu dipulihara daripada individu-individu yang tidak bertanggungjawab.

#### **1.5 Skop Kajian**

Skop kajian ini tertumpu kepada tiga watak protagonis yang dilakonkan oleh Fauziah Nawi di dalam pementasan teater Monodrama 3 Wajah (2011) di Stor Teater melalui paparan visual yang diarkibkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Pengkaji akan menganalisa isu-isu sosial yang diketengahkan oleh tiga watak protagonis dalam pementasan 3 Wajah bagi mengenal pasti dan menentukan aliran pementasan Tiga Wajah dengan mengaplikasikan teori feminisme sosialis.

#### **1.6 Kerangka Konsep dan Teori**

Kerangka konsep diaplikasikan dalam kajian ini adalah kerangka analisa watak (*character analysis guide*) oleh Gerardine M. Clark, Clark G. M. (1995). *Character Analysis Guide*. Teori ini menyentuh biologikal, sosial, psikologikal dan ekonomi

protagonis. Pengkaji juga turut mengaplikasikan teori feminisme sosialis yang diketengahkan oleh Holly Graf (2003) untuk mengupas dan mengkategorikan aliran pementasan teater 3 Wajah.

Holly Graf, menegaskan bahawa wanita feminisme sosialis bersetuju bahawa pemikiran dalam feminisme liberal tidak memandang penindasan terhadap wanita secara mendalam. Ianya juga turut melambangkan golongan feminis sebagai golongan kelas kedua iaitu golongan bawahan dan pertengahan.

Seterusnya, teori ini juga menolak pandangan golongan kapitalis dan patriarki terhadap penindasan wanita di dalam sistem ekonomi. Holly Graf percaya bahawa setiap individu harus memahami signifikasi yang mengaitkan isu penjajahan, imperialisme, dan perkauman pada wanita di dunia secara berterusan.

Disamping itu, Graf berpendapat bahawa adalah salah untuk mencadangkan satu bentuk penindasan menjadi punca utama dalam sesuatu perkara. Tambahan lagi, masyarakat memahami dan menganggap sesuatu penindasan ini secara bercabang berdasarkan jenis jantina, kelas, kaum, dan orientasi seksual. Untuk mencabar mana-mana satu bentuk penindasan ini, setiap individu perlu mempunyai pemahaman dalam memperjuangkan golongan wanita supaya golongan ini juga mempunyai kuasa dalam membuat sesuatu keputusan dan tidak dianggap sebagai golongan yang lemah.

Teori Feminisme Sosialisme ini akan digunakan dalam naskah 3 Wajah sebagai panduan kepada penyelidikan untuk mengklasifikan dan mengenalpasti pergerakan menerusi lakonan pementasan oleh Fauziah Nawi.

## **1.7 Objektif Kajian**

Objektif kajian adalah untuk mencapai matlamat dan jangkaan seperti berikut:-

1. Mengkaji dan mengenal pasti watak-watak wanita yang diketengahkan dan dilakonan oleh Fauziah Nawī dalam pementasan 3 Wajah.
2. Menganalisa isu-isu sosial yang melibatkan wanita dengan mengaplikasikan teori feminisme sosialis.
3. Menghuraikan bahawa teater 3 Wajah lakonan Fauziah Nawī adalah sebuah teater feminisme sosialis.

## **1.8 Kaedah penyelidikan**

Penulisan serta kajian ini tertumpu kepada watak-watak yang dikaji di dalam skrip pementasan 3 Wajah. Kajian ini jelas mempunyai limitasi yang terhad dan ianya bertujuan dalam meneliti isu-isu sosial yang dihadapi oleh kaum wanita di Malaysia pada masa kini.

Kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini adalah secara kualitatif untuk menyokong kajian. Data-data diperolehi menerusi kajian kepustakaan (data sekunder), rakaman video, buku, dokumentasi, risalah, keratan akhbar dan ulasan jurnal kajian lepas berkaitan dengan tajuk kajian.

Seterusnya adalah kaedah pemerhatian. Pengkaji dapat mengumpul data secara visual serta lisan dengan melihat pementasan 3 Wajah arahan Iryanda Mulia Ramli yang dirakamkan secara langsung oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Proses ini memerlukan pengkaji untuk meneliti dan melihat naskah skrip yang ditulis sebagai panduan untuk memahami jalan cerita dan perwatakan yang digambarkan di dalam naskah tersebut. Tambahan lagi, pengkaji juga dapat merangka

perbezaan menerusi *performance text* dan rakaman video. Hal ini jelas bagi pengkaji untuk menghurai serta melihat jurang perbezaan dalam teks dan persembahan.

## **1.9 Kepentingan Kajian**

Kajian ini penting dan perlu diberi penekanan secara terperinci. Pemerhatian dan analisa terhadap kajian, tertumpu pada isu-isu semasa yang melibatkan kaum wanita serta era semasa pementasan tersebut dipentaskan. Bukan itu sahaja, ianya juga dapat dilihat menerusi lakonan protagonis oleh Fauziah Nawi yang berkongsi tentang perspektif dan pandangan terhadap kehidupan kaum wanita yang diketengahkan hasil daripada pengalaman individu-individu disekelilingnya.

Selain itu, kajian ini dianalisis dan dikongsikan secara umum khususnya kepada kaum wanita, para pembaca, masyarakat serta pelajar yang mengkaji atau menganalisa lakonan watak menerusi sesuatu gender. Ianya juga boleh dijadikan sebagai sumber rujukan, bahan bacaan ilmiah dan penambahan maklumat yang jelas dalam mengetengahkan sesuatu isu dalam watak yang memperjuangkan hak individu dan masyarakat. Seterusnya, penekanan yang diketengahkan dalam lakonan, pementasan dan kajian ini adalah disebabkan isu-isu berkenaan dengan kaum atau golongan wanita mempunyai limitasi yang terhad dalam mana-mana pementasan teater atau naskah skrip pementasan itu sendiri.

Justeru itu, dengan mengkaji lakonan watak penggiat seni teater wanita iaitu Fauziah Nawi dalam pementasan Monolog 3 Wajah, ianya dapat membantu masyarakat dalam menitikberatkan nilai kemanusiaan serta pandangan mereka terhadap kaum wanita. Kajian ini secara tidak langsung turut membantu dalam

memartabatkan serta memelihara karya-karya penulisan teater moden melayu yang memartabatkan.

#### **1.10 Limitasi kajian**

Terdapat beberapa kekangan yang dihadapi dalam penyelidikan ilmiah. Kajian ini mempunyai maklumat yang terhad. Hasil penyelidikan oleh pengkaji, data yang diperolehi adalah daripada teks pementasan 3 Wajah oleh penasihat GKD3274 Projek Tahun akhir, Puan Syarafina Binti Abdullah dan salinan rakaman video pementasan daripada Encik Mohd Salman Bin Zainol, Pegawai Dokumentasi Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Menerusi kedua-dua sumber ini, pengkaji dapat mengenalpasti kesemua watak wanita protagonis yang dipentaskan di dalam 3 Wajah dengan menggunakan teori Feminisme Sosialis.

## **BAB DUA**

### **GELINTIRAN KESUSASTERAAN**

#### **2.1 PENDAHULUAN**

Di dalam bab ini, pengkaji akan menghuraikan beberapa kajian lepas yang merangkumi naskah teks aliran feminisme dan penegasan secara teoritikal tentang isu-isu penindasan dalam memperkasakan kewujudan serta hak kaum wanita.

##### **2.1.1 Naskah Teks Drama Feminis**

Menerusi artikel oleh Nicole Smith berkenaan dengan naskah teks yang ditulis oleh Aristophanes, Smith menyatakan bahawa karya tersebut menyumbang kepada hak dan perjuangan yang ingin diperkasakan oleh watak utama iaitu Lysistrata. Aristophanes menonjolkan tentang golongan wanita yang mempunyai pengaruh dan kuasa dalam membuat sesuatu keputusan. Akan tetapi, golongan ini sering dipandang rendah dan dianggap sebagai wanita kelas kedua yang menjadi simbol seksualiti kepada golongan lelaki pada era tersebut. Peranan protagonis bagi Smith menjelaskan keberkesanannya dalam menegakkan kredibiliti golongan wanita yang mampu menyumbang kepada dasar ekonomi, politik dan sosio budaya. Sumbangan watak Lysistrata meliputi aspek dalam mengubah persepsi golongan lelaki yang menganggap wanita sebagai golongan seksualiti. Tambahan lagi, watak protagonis ini ingin memberi kesedaran akan tanggungjawab golongan lelaki terhadap kestabilan dan perdamaian yang perlu diterapkan kepada keluarga, masyarakat dan negara. Menurut Smith, Aristophanes juga menekankan isu yang membabitkan hak bersuara oleh kaum wanita yang tidak diberi perhatian. Perwatakan Lysistrata menjelaskan daya

pemikiran yang kritis dan ianya berjaya dalam membina kesepaduan bersama komuniti untuk memperjuangkan pendapat serta hak kesamarataan yang sewajarnya diberikan kepada kaum wanita.

Medea hasil karya oleh Euripides telah dipentaskan dalam bentuk moden oleh produksi *National Theatre*, 2014. Menurut Swift, gabungan naskah dan pementasan yang dikontemporikan ini memberi sentuhan yang wajar selari dengan era pada zaman Greek dahulu. Secara umumnya, karya Medea ini mengisahkan tentang seorang wanita yang bertindak tragis dalam menuntut haknya sebagai individu yang di tindas dan aniaya oleh suaminya, Jason. Disebabkan perkara tersebut memberi impak yang besar di dalam kehidupannya, Medea mula merancang untuk membalas dendam dengan membunuh kedua-dua anaknya, Eugene Ferdinand dan Victor Delacroix sebagai tuntutan pembalasan di atas pengkhianatan Jason. Swift menyatakan bahawa, Euripides mengetengahkan kisah-kisah tragedi Yunani sebagai panduan dalam menulis karya Medea dengan penggunaan aspek mitos mengenai hubungan keji sesama manusia, khususnya di dalam keluarga. Hal ini dapat dilihat apabila Euripides menghidupkan watak Medea yang melanggar ikatan kasih sayang ibu dan anak tanpa asas atau syarat untuk mereka terus hidup. Tambahan lagi, Swift menegaskan bahawa kajian penyelidikan pada tahun 2006, sebanyak 250 laporan berita mengetengahkan kes pembunuhan bayi oleh wanita di Amerika Syarikat. Perkara tersebut mendorong sesetengah golongan feminisme bertindak sedemikian adalah kerana nilai kasih sayang yang tiada sempadan atau kecenderungan emosi yang membawa kepada tindakan yang tidak berperikemanusiaan. Walaupun Medea membunuh kedua-dua anaknya, Euripides tidak mengklasifikasikan perwatakan Medea sebagai suatu tindakan yang kejam atau tidak rasional, kerana Euripides menganggap tekanan itu berpunca

daripada masyarakat sekeliling yang mendorong kepada tindakan drastik oleh watak protagonis tersebut. Hal ini dapat dikaitkan apabila Medea memperjelas sistem aturan patriarki kepada isteri-isteri *chorus of Corinthian* yang menganggap kaum wanita adalah golongan yang lemah, cepat berputus asa dan sentiasa memerlukan kaum lelaki untuk kebergantungan hidup. Disebabkan usaha Medea dalam memperjuangkan hak dan menolak andaian golongan bertentangan, komuniti Corinthian berkerjasama untuk menegakkan keadilan bagi pihak mereka dan juga Medea. Justeru itu, Swift mengaitkan tragedi kisah Medea ini mempunyai signifikansi dalam kehidupan kini yang berlaku dalam sesuatu perhubungan. Disebabkan itu, golongan feminisme perlu tampil untuk mengetengahkan pendapat, memperjuangkan keadilan dan mengelakkan penindasan oleh golongan patriarki supaya ianya tidak berulang seperti peristiwa pada zaman Greek 2500 tahun yang lalu.

Berdasarkan artikel oleh Carloz J. Perez, karya penulisan Ibsen membawa kepada kisah pergolakan rumahtangga yang dihadapi oleh Nora dan suaminya, Torvald Helmer. Isu yang dibangkitkan di dalam karya tersebut adalah berkaitan dengan kebergantungan kaum wanita menerusi alam rumahtangga dan keterbatasan hak untuk menyuarakan pendapat. Menurut Perez, karya Ibsen secara umumnya membawa kepada penelitian sosial yang tertumpu kepada status dan gender. Isu-isu tersebut berlaku di sekitar era 90-an dan ianya masih mendapat perhatian pada era moden kini. Perwatakan Nora yang dibebani oleh isu kawalan dan kuasa yang didominasi oleh suaminya, Helmer jelas mempersoalkan kredibiliti Nora dalam membuat sesuatu keputusan. Tambahan lagi, Helmer menganggap Nora sebagai individu yang perlu patuh dan akur kepada segala perihal yang ditekankan olehnya. Menerusi perspektif lain, perwatakan Nora menonjolkan refleksi dan sumbangan di